

15 MAY 2003

Tajol-PCM

PERAK HANTAR CEO PCM KE AUSTRALIA BINCANG KERJASAMA KURSUS PERUBATAN

IPOH, 15 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak akan menghantar Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kolej Perubatan Perak (PCM), Abu Bakar Hashim ke Universiti Of Melbourne, Australia bagi membincangkan usaha mewujudkan kerjasama dalam bidang perubatan antara PCM dengan universiti tersebut.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata pihaknya merancang untuk memulakan program kerjasama itu tahun hadapan supaya para pelajar kursus perubatan PCM boleh menamatkan pengajian mereka di Australia.

Katanya, program yang dirancang ialah program 3+2, belajar tiga tahun di PCM dan dua tahun terakhir di Universiti of Melbourne.

"Buat masa ini kerjasama PCM dengan universiti tersebut ialah dalam bidang fisioterapi, kejururawatan dan biomathematics telah dipersetujui. Bagi degree dalam Biomaths, para pelajar mungkin patut belajar empat tahun, tiga tahun di PCM dan setahun di Australia atau tiga tahun di sini dan boleh masuk kursus perubatan di Australia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Kesyukuran meraikan beliau yang dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Undang-Undang University of Melbourne pada Sabtu lepas, di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata penghantaran CEO PCM itu diharap supaya kerjasama antara PCM dengan universiti itu dapat dipersetujui dan dimulakan pada tahun hadapan.

Sementara itu, beliau berkata projek pembinaan kilang magnesium di Kamunting, Taiping telah dibatalkan kerana syarikat luar negara yang bertanggungjawab membina kilang tersebut telah memberikan kontrak pembinaannya kepada negara lain.

Dalam perkembangan lain, Tajol Rosli yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata sebarang tuntutan mengenai kerusi pilihan raya akan datang oleh parti komponen BN hendaklah dibuat kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Terserah kepada Pengerusi BN mengaturnya. Saya hanya akan mematuhi arahan Pengerusi BN," katanya.

Katanya, sebarang surat mengenai perkara ini lebih baik dihantar kepada Pengerusi BN, yang juga Perdana Menteri. Kalau hendak hantar surat kepada saya selaku Pengerusi BN negeri, hanya salinannya sahaja.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Pengerusi Parti Progresif Penduduk (PPP) negeri, Lee Heng supaya PPP Perak diperuntukkan dua kerusi Parlimen dan empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

KAY ZB